

10/09/1997

Asiaweek dituduh sindir PM, TPM

M Thillinadan

GEORGETOWN, Selasa - Majalah Asiaweek didakwa menyindir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan menyifatkan mereka sebagai pemimpin yang mempunyai pandangan kenegerian yang sempit.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata wartawan majalah itu, Roger Mitton menyindir kedua-dua pemimpin negara sebagai bersikap kenegerian yang mengutamakan kepentingan negeri asal masing-masing, yakni Kedah dan Pulau Pinang.

Mitton melalui artikelnya, A State of decline - Penang once led Malaysia, but it has fallen behind. Where did it go wrong? keluaran 5 September lalu, mendakwa antara faktor Pulau Pinang ketinggalan sejak kebelakangan ini ialah kerana sikap antipati dan diabaikan oleh Perdana Menteri yang kononnya mengutamakan negeri asalnya, Kedah dan Langkawi.

"Dia juga mendakwa keadaan akan bertambah buruk bagi Pulau Pinang sehingga Anwar menjadi Perdana Menteri kerana Anwar akan mengutamakan kemajuan Pulau Pinang berbanding negeri lain," katanya melalui kenyataan yang dikeluarkan pejabatnya di sini, hari ini.

Mitton dalam laporannya mendakwa Dr Mahathir memberi keutamaan kepada Kedah dan Langkawi, khususnya berhubung sektor perindustrian, pelancongan dan tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara.

Laporan itu juga menyebut Gerakan dan MCA sering bermusuhan dan tidak bekerja sebagai satu pasukan di Pulau Pinang, manakala beberapa pemimpin Umno tidak suka Dr Koh kerana berpendapat negeri itu akan maju jika Ketua Menteri daripada Umno.

Dr Koh menyifatkan Mitton sebagai wartawan tidak bertanggungjawab yang bertujuan mengelirukan rakyat dan menimbulkan perselisihan di kalangan pemimpin negara serta kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Menurutnya, selain memberi gambaran berlaku perbezaan pendapat dan perpecahan di kalangan pemimpin negara, wartawan itu juga cuba menimbulkan ketegangan dan rasa benci di antara Pulau Pinang dengan jirannya, Kedah serta parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri itu.

"Sudah tentu Perdana Menteri dan timbalannya sebagai wakil rakyat terpaksa melawat kawasan mereka selalu, tetapi itu tidak bermakna mereka berkepentingan negeri kerana kedua-duanya adalah pemimpin Pusat yang memperjuangkan hal ehwal negara.

"Berdasarkan pengalaman saya, Perdana Menteri sentiasa memberi keutamaan terhadap masalah yang dihadapi semua negeri. Beliau juga mendengar pandangan dan cadangan kerajaan negeri," katanya.

Beliau juga menolak dakwaan majalah itu bahawa sektor perindustrian Pulau Pinang tidak lagi memikat pelabur dan kini memilih Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah.

"Pulau Pinang menerima Kulim sebagai alternatif positif dan memberi kerjasama terhadap pembangunannya sejak awal lagi. Taman Teknologi Tinggi Kulim menawarkan kawasan tanah yang luas untuk industri teknologi tinggi," katanya.

(END)